

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN MENGHADIRI MESYUARAT PERSATUAN IKHTISAS YANG DIISYTIHARKAN	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 1/10

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menghadiri Mesyuarat Persatuan Iktisas Yang Diisytiharkan	<p>Pegawai iktisas yang dibenarkan cuti tidak berekod oleh Ketua Jabatannya untuk menghadiri mesyuarat persatuan iktisasnya menurut Perintah Am 45 Bab C adalah berkelayakan untuk menuntut bayaran tambang kereta api ataupun elaun hitungan batu menurut kelayakannya dan tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan.</p> <p><b><u>Takrifan</u></b></p> <p><u>Persatuan Iktisas Yang Diisytiharkan</u></p> <p>Persatuan iktisas yang diisytiharkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dari semasa ke semasa. Lihat Lampiran A.</p> <p><u>Mesyuarat</u></p> <p>Mesyuarat yang dibenarkan ialah mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung luar biasa, dipanggil menurut undang-undang tubuh persatuan.</p> <p><u>Pegawai Yang Layak Menuntut</u></p> <ol style="list-style-type: none"><li>Pegawai tetap/ sementara dalam Perkhidmatan Awam. Bagi maksud ini, pegawai adalah termasuk juga anggota dalam perkhidmatan Polis Diraja Malaysia; dan</li><li>Menjadi ahli persatuan iktisas yang diisytiharkan.</li></ol>	<p>Perenggan 3, Pekeliling Perkhidmatan 9/1977</p> <p>Perintah Am 45, Bab C</p> <p>Perintah Am 45, Bab C</p> <p>Perenggan 1, Pekeliling Perkhidmatan Bil.9 Tahun 1977</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN MENGHADIRI MESYUARAT PERSATUAN IKHTISAS YANG DIISYTIHARKAN	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 2/10

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menghadiri Mesyuarat Persatuan Ikhtisas Yang Diisytiharkan	<p><b>1. Tuntutan Elaun Perjalanan</b></p> <p>Pastikan Tuntutan Elaun Perjalanan diterima selewat-lewatnya 10 haribulan dalam bulan berikutnya dan dokumen sokongan disertakan seperti berikut:</p> <p>1.1 Borang Tuntutan Perjalanan yang lengkap diisi (termasuk pendahuluan diri) dan ditandatangani.</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Borang Tuntutan Perjalanan perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada 10 haribulan dalam bulan yang berikutnya. Sekiranya lewat, pegawai perlu mendapatkan kelulusan Pegawai Pengawal/Pegawai yang diberi kuasa;</li><li>ii. Seseorang pegawai hanya boleh mengemukakan satu Borang Tuntutan Perjalanan dalam satu-satu bulan. Jika perjalanan dimulakan pada atau hampir hujung bulan dan disempurnakan dalam bulan yang berikutnya, hitungan kilometer pergi dan balik hendaklah dianggap sebagai perjalanan bagi bulan perjalanan itu disempurnakan;</li><li>iii. Tuntutan bagi perjalanan rasmi dalam negeri atau luar negeri dan perpindahan rumah hendaklah masing-masing dibuat pada tuntutan yang berasingan; dan</li><li>iv. Tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran kerana menjalankan tugas rasmi dan semasa berkursus hendaklah bersekali dalam satu-satu bulan, mengikut di dalam negeri atau di luar negeri.</li></ul>	<p>Perenggan 18, PP WP1.4 Perenggan 18, PP WP1.5</p> <p>Perenggan 4.10, SPANM Bil.7 Tahun 2018</p> <p>AP100(a)</p>

## JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

### PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : <b>BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN MENGHADIRI MESYUARAT PERSATUAN IKHTISAS YANG DIISYTIHARKAN</b>	
TARIKH KEMASKINI : <b>31 DISEMBER 2020</b>	MUKA SURAT : <b>3/10</b>

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menghadiri Mesyuarat Persatuan Ikhtisas Yang Diisytiharkan	<p>1.2 Resit asal atau dokumen yang membuktikan bayaran;</p> <p>Pastikan dokumen berkenaan contohnya salinan penyata Touch n Go/ eWallet/ Kad Debit/ Kad Kredit / lain-lain aplikasi dikemukakan dengan <i>“Disahkan bahawa perbelanjaan ini adalah perbelanjaan rasmi Kerajaan”</i>;</p> <p>1.3 Surat panggilan / arahan untuk menjalankan tugas rasmi;</p> <p>1.4 Arahan/ Kelulusan Ketua Jabatan atau Pegawai Yang Menyelia bagi menjalankan tugas rasmi di luar pejabat;</p> <p>1.5 Kelulusan Ketua Jabatan untuk menggunakan kenderaan sendiri (sekiranya melebihi 240km sehala);</p> <p>1.6 Surat kelulusan ke luar negeri (jika berkaitan);</p> <p>1.7 Salinan penyata akaun bank yang aktif/ dokumen yang menunjukkan nombor akaun bank (bagi individu bukan pegawai di jabatan tersebut); dan</p> <p>1.8. Bagi individu yang sudah meninggal dunia, bayaran kepada waris hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan seperti berikut:</p>	Perenggan 4.10, SPANM Bil.7 Tahun 2018

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN MENGHADIRI MESYUARAT PERSATUAN IKHTISAS YANG DIISYTIHARKAN</b>	
<b>TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020</b>	<b>MUKA SURAT : 4/10</b>

<b>Perkara</b>	<b>Maklumat Yang Perlu Disemak</b>	<b>Rujukan</b>
Tuntutan Perjalanan Kerana Menghadiri Mesyuarat Persatuan Ikhtisas Yang Diisytiharkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Salinan penyata akaun/ dokumen yang menunjukkan nombor akaun bank yang aktif; dan</li> <li>ii. Salinan sijil nikah (jika yang meninggal suami/ isteri); atau</li> <li>iii. Salinan sijil kelahiran (jika yang meninggal bapa/ ibu);</li> <li>iv. Salinan sijil kematian; dan</li> <li>v. Bon Ganti Rugi (<i>Indemnity Bond</i>)/ Akuan Ganti Rugi; atau</li> <li>vi. Surat kuasa mentadbir pusaka (sekiranya jumlah melebihi RM2,000.00).</li> </ul> <p>1.9 Surat Akuan Ketiadaan Kemudahan-kemudahan (<i>Non-availability Certificate</i>), jika berkenaan;</p> <p>1.10 Arahan pembayaran bagi pendahuluan diri, jika berkenaan;</p> <p>1.11 Kelulusan Pegawai Pengawal/ wakil diberi kuasa bagi kelewatan mengemukakan tuntutan perjalanan (Arahan Perbendaharaan 100(a)), jika berkenaan;</p> <p>1.12 Surat atau kad keahlian;</p> <p>1.13 Dokumen sokongan lain (jika berkaitan).</p>	<p>Perenggan 4.10, SPANM Bil.7 Tahun 2018</p> <p>Perenggan 5.4.1, PP WP1.5</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN MENGHADIRI MESYUARAT PERSATUAN IKHTISAS YANG DIISYTIHARKAN	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 5/10

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menghadiri Mesyuarat Persatuan Ikhtisas Yang Diisytiharkan	<p><b>2. Sijil AP58(a)</b></p> <p>Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan dan memenuhi syarat berikut :</p> <p>2.1 Tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) diterima; dan</p> <p>2.2 Baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan sepatutnya dibayar dan baki peruntukan tahun semasa adalah mencukupi.</p> <p>Sekiranya syarat AP58(a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan Perbendaharaan disertakan (jika berkaitan).</p> <p><b>3. Kemudahan Yang Boleh Dituntut</b></p> <p>3.1 Bayaran tambang kereta api; atau</p> <p>3.2 Elaun Perjalanan Kenderaan; dan</p> <p>3.3 Kapal Terbang</p> <p>Nota:</p> <p>i. Mengikut kelayakan dan syarat sepertimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi yang berkaitan;</p> <p>ii. Tidak Layak Tuntut Elaun Perjalanan Kenderaan Melainkan Beberapa Keadaan (Tidak Termasuk Tentera Dan Polis)</p> <p>a. Seseorang pegawai yang menggunakan kenderaan yang disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur semasa menjalankan tugas rasmi tidak layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan.</p>	<p>AP58(a)</p> <p>Perenggan 5.4.1, PP WP1.5</p> <p>Perenggan 3, Pekeliling Perkhidmatan Bil.9 Tahun 1977</p> <p>Perenggan 7 WP 1.4</p> <p>Perenggan 5.7.2, PP WP1.4</p>

JABATAN ELAUN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN PERJALANAN MENGHADIRI MESYUARAT PERSATUAN IKHTISAS YANG DIISYTIHARKAN	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 6/10

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menghadiri Mesyuarat Persatuan Ikhtisas Yang Diisytiharkan	<p>b. Seorang pegawai yang dikehendaki menggunakan perkhidmatan kapal terbang atau kereta api bagi menjalankan tugas rasmi di tempat yang boleh dihubungi terus oleh kapal terbang atau kereta api dan oleh itu tidak layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan melainkan di dalam keadaan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Jika jarak di antara kedua-dua tempat adalah kurang daripada 240 km;</li><li>ii. Apabila seseorang pegawai dikehendaki juga menjalankan tugas rasminya di beberapa tempat di sepanjang perjalanan;</li><li>iii. Apabila didapati mustahak dan terpaksa bagi seseorang pegawai berkenderaan sendiri; dan</li><li>iv. Apabila seseorang pegawai mustahak dan terpaksa membawa pegawai lain sebagai penumpang yang juga menjalankan tugas rasmi.</li></ul> <p>Bagi peruntukan (ii), (iii) dan (iv) di atas kelulusan Ketua Jabatan hendaklah dilampirkan dengan baucar tuntutan pegawai tersebut.</p> <p>iii. Tidak Layak Tuntut Elaun Perjalanan Kenderaan Melainkan Beberapa Keadaan (Polis Diraja Malaysia)</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a. Seseorang pegawai yang menggunakan kenderaan yang disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur semasa menjalankan tugas rasmi tidak layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan.</li></ul>	<p>Perenggan 5.7.3, PP WP1.4</p> <p>Perenggan 5.7.4, PP WP1.4</p>

## JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

### PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN MENGHADIRI MESYUARAT PERSATUAN IKHTISAS YANG DIISYTIHARKAN	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 7/10

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menghadiri Mesyuarat Persatuan Ikhtisas Yang Diisytiharkan	<p>b. Seseorang pegawai dikehendaki menggunakan perkhidmatan kapal terbang atau kereta api bagi menjalankan tugas rasmi di tempat yang boleh dihubungi terus oleh kapal terbang atau kereta api dan oleh itu tidak layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan melainkan di dalam keadaan seperti berikut:</p> <p>i. Jika jarak di antara kedua-dua tempat adalah kurang daripada 240 km;</p> <p>ii. Apabila seseorang pegawai dikehendaki juga menjalankan tugas rasminya di beberapa tempat di sepanjang perjalanan;</p> <p>iii. Apabila didapati mustahak dan terpaksa bagi seseorang pegawai berkenderaan sendiri;</p> <p>iv. Apabila seseorang pegawai mustahak dan terpaksa membawa pegawai lain sebagai penumpang yang juga menjalankan tugas rasmi;</p> <p>v. Jika menggunakan pengangkutan awam akan mengambil masa yang lama dan mengganggu pelaksanaan tugas rasmi itu;</p> <p>vi. Apabila kenderaan tambahan diperlukan bagi tugas pengiringan (<i>escort</i>) jika tidak ada lagi kenderaan Jabatan;</p>	<p>Perenggan 5.8.2, PP WP1.5</p> <p>Perenggan 5.8.3, PP WP1.5</p>

# JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

## PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN MENGHADIRI MESYUARAT  
PERSATUAN IKHTISAS YANG DIISYTIHARKAN

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020

MUKA SURAT : 8/10

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menghadiri Mesyuarat Persatuan Ikhtisas Yang Diisytiharkan	<p>vii. Apabila tidak berfaedah menggunakan kenderaan Jabatan kerana tugas yang dijalankan itu memakan masa yang lama dan menyebabkan kenderaan</p> <p>viii. Apabila itu tidak akan digunakan sepanjang masa;berada di dalam keadaan kecemasan yang mana kenderaan lain tidak boleh diperolehi; dan</p> <p>ix. Dalam keadaan tertentu dan penting dari segi keselamatan yang mana seseorang pegawai terpaksa mengenakan pakaian preman.</p> <p>Bagi peruntukan (b) hingga (i) di atas kelulusan Pegawai Pemerintah hendaklah dilampirkan dengan borang tuntutan pegawai tersebut.</p> <p><b>4. Tambang Gantian</b></p> <p>4.1 Seseorang pegawai yang menggunakan kenderaan sendiri untuk bertugas di satu tempat sahaja yang jaraknya melebihi 240 km dari Ibu Pejabatnya dan terdapat perkhidmatan terus kapal terbang atau kereta api layak menuntut Tambang Gantian.</p>	<p>Perenggan 5.8.4, PP WP1.5</p> <p>Perenggan 5.8.1, PP WP1.4 Perenggan 5.9.1, PP WP1.5</p>



# JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

## PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN MENGHADIRI MESYUARAT PERSATUAN IKHTISAS YANG DIISYTIHARKAN	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 9/10

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menghadiri Mesyuarat Persatuan Ikhtisas Yang Diisytiharkan	<p>4.2. Pegawai hendaklah menyatakan di dalam borang tuntutan bahawa beliau menuntut Tambang Gantian. Syarat tuntutan Tambang Gantian adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Pegawai hendaklah menggunakan kenderaan persendirian;</li><li>ii. Kadar tuntutan Tambang Gantian adalah bersamaan dengan harga tiket bagi tambang kapal terbang atau kereta api mengikut mana yang berkenaan, yang dibenarkan berdasarkan kelayakan pegawai; dan</li><li>iii. Tambang Gantian hanya layak dituntut sekiranya ia lebih menjimatkan berbanding tuntutan perjalanan menggunakan kenderaan sendiri bagi menggalakkan perbelanjaan berhemat.</li></ul> <p>4.3 Seseorang pegawai yang menuntut Tambang Gantian tidak layak menuntut apa-apa tambang atau bayaran tambahan yang berkaitan dengan perjalanan kapal terbang atau kereta api, seperti tambang dari rumah ke lapangan terbang/ stesen kereta api dan sebaliknya, tambang dari lapangan terbang/ stesen kereta api ke tempat penginapan dan sebaliknya, bayaran Cukai Lapangan Terbang atau bayaran tempat tidur dalam kereta api (<i>berth charges</i>).</p>	<p>Perenggan 5.8.2, PP WP1.4 Perenggan 5.9.2, PP WP1.5</p> <p>Perenggan 5.8.3, PP WP1.4 Perenggan 5.9.3, PP WP1.5</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN MENGHADIRI MESYUARAT  
PERSATUAN IKHTISAS YANG DIISYTIHARKAN

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020

MUKA SURAT : 10/10

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan									
Tuntutan Perjalanan Kerana Menghadiri Mesyuarat Persatuan Ikhtisas Yang Diisytiharkan	<p><b>5. Kod Akaun</b></p> <p>Semak sama ada kod akaun yang dipertanggungkan ke atas arahan pembayaran adalah menggunakan kod B0220000.</p> <table border="1"><thead><tr><th>Perkara</th><th>Pegawai Perkhidmatan Awam</th><th>Polis</th></tr></thead><tbody><tr><td>Tambang Kereta Api/ Komuter/ LRT/ ERL, Tambang Gantian</td><td>B0221103</td><td>B0221303</td></tr><tr><td>Elaun Perjalanan Kenderaan</td><td>B0221104</td><td>B0221304</td></tr></tbody></table>	Perkara	Pegawai Perkhidmatan Awam	Polis	Tambang Kereta Api/ Komuter/ LRT/ ERL, Tambang Gantian	B0221103	B0221303	Elaun Perjalanan Kenderaan	B0221104	B0221304	PP PS1.1 SPANM 10 Tahun 2017
Perkara	Pegawai Perkhidmatan Awam	Polis									
Tambang Kereta Api/ Komuter/ LRT/ ERL, Tambang Gantian	B0221103	B0221303									
Elaun Perjalanan Kenderaan	B0221104	B0221304									

**Persatuan Ikhtisas Yang Diisytiharkan**

1. *The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA) (fka the Malayan Association of Certified Public Accountants (MACPA))*
2. *Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM) (Malaysian Institute of Architects) (fka Federation of Malaya Society of Architects (FMSA))*
3. *Persatuan Biokimia Malaysia (The Malaysian Bio-chemical Society)*
4. *Joint Group of Institution of Civil Engineers, the Institution of Mechanical Engineers and Institution of Electrical Engineers*
5. *The Malaysian Dental Association (MDA) (fka the Malayan Dental Association)*
6. *The Institution of Engineers, Malaysia (IEM) (fka the Institution of Engineers, Federation of Malaya)*
7. *Persatuan Jurutera Galian Malaysia (Malaysian Association of Mining Engineers)*
8. *Persatuan Juru-juru X-ray Malaysia (The Malaysian Society of Radiographers)*
9. *Kesatuan Kesihatan Malaysia (Malaysian Society of Health)*
10. *Institut Kimia Malaysia (The Malaysian Institute of Chemistry)*
11. *Malaysian Medical Association (MMA) (fka Malayan Medical Association)*
12. *The Association of Medical Social Workers Malaysia*
13. *The Alumni Association of the King Edward VII College of Medicine*
14. *The Institute of Materials, Minerals and Mining (IOM<sup>3</sup>), Malaysian Branch (fka Malayan Section of the Institute of Mining And Metallurgy)*
15. *The Malayan Trained Nurses Association*
16. *The Obstetrical and Gynaecological Society of Malaysia (OGSM) (fka the Obstetrical and Gynaecological Society of Malaya)*
17. *Persatuan Pakar Bius Malaysia (Malaysian Anaesthetic Society)*
18. *Persatuan Pakar Orthopaedic Malaysia*
19. *Malaysian Society of Pathologists*
20. *Pertubuhan Perancang Malaysia (Malaysian Institute of Planners)*
21. *Akademik Perubatan Malaysia (Academy of Medicine of Malaysia)*
22. *The Association of Physicians of Malaya*
23. *Malaysian Pharmaceutical Society (Persatuan Farmasi Malaysia) (fka the Malayan Pharmaceutical Association)*
24. *Persatuan Ahli-ahli Sains Malaysia (Malaysian Scientific Association (MSA)) (fka The Malayan Scientific Association)*
25. *The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA) (fka the Malayan Association of the Chartered Institute of Secretaries (MACIS))*
26. *The College of Surgeons of Malaysia*
27. *Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM) (fka Institution of Surveyors, Federation of Malaya)*
28. *Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia*
29. *The Technical Association of Malaya*
30. *Town Planning Institute (Malaya Branch)*
31. *The Malayan Veterinary Medical Association*
32. *Persatuan Doktor-doktor Veterinar Malaysia*
33. *Persatuan KajiPerenggansit dan Perubatan Tropika Malaysia*
34. *Persatuan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan*
35. *Persatuan Dermatologi Malaysia*
36. *Persatuan Radiology Malaysia (Malaysian Radiological Society)*
37. *The College of Physicians of Malaysia*
38. *Persatuan Pemakanan Malaysia*
39. *Persatuan Pediatri*

40. Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia
41. Persatuan Pegawai Pelajaran Kesihatan
42. *Malaysian Institute of Food Technology (MIFT)*
43. Persatuan Fesioterapi Malaysia
44. Persatuan Ahli Biokimia - Klinikal Malaysia
45. Persatuan Penyakit Berjangkit dan Kemoterapi Malaysia
46. Persatuan Inspektor Kesihatan Malaysia
47. *Malaysian Psychiatric Association*
48. Persatuan Jurupulih Cara Kerja Malaysia
49. *Persatuan Onkologi Malaysia (The Malaysian Oncological Society)*
50. Persatuan Pegawai Syariah Malaysia
51. Persatuan Pegawai Kesihatan Persekitaran Malaysia (EHOM)
52. Persatuan Juruanalisa Sistem Sektor Awam (PERJASA)
53. *Malaysian Society of Otorhinolaryngologists Head and Neck Surgeons (MSO-HNS)*

**Catatan:**

fka *formerly known as*

No. 1 - 30, diisytiharkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9/1977.

No. 32 - 34, diisytiharkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/1981.

No. 35, diisytiharkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/1981.

No. 36, diisytiharkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6/1983.

No. 37, diisytiharkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8/1984.

No. 38, diisytiharkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/1986.

No. 49, diisytiharkan menurut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/2007.

No. 50, diisytiharkan menurut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 18/2007.

(Rujukan: [http://docs.jpa.gov.my/docs/faq/LampiranA\\_CutiTanpaRekod.pdf](http://docs.jpa.gov.my/docs/faq/LampiranA_CutiTanpaRekod.pdf), dilawati pada 14 Mei 2020)